

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK DR. HASAN BIN BAHROM  
[TAMPIN]**

**TARIKH : 1 JULAI 2019 ( ISNIN )**

**SOALAN :**

**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah dasar tahfiz negara telah dipraktikkan sejak dasar ini diperkenalkan, dan sejauh manakah kepatuhan institusi-institusi tahfiz dalam negara terhadap dasar tersebut.

**JAWAPAN : (YB DATO' SERI DR. MUJAHID BIN YUSUF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) merupakan usaha penyelarasan dan penyeragaman pengurusan pendidikan tahfiz di Malaysia. Dasar ini dijadikan panduan dalam pengurusan pendidikan tahfiz di seluruh Malaysia.

Sehingga kini, antara pencapaian DPTN yang digerakkan melalui lima (5) teras iaitu memperkasakan undang-undang, mewujudkan model tahfiz, kurikulum tahfiz, tadbir urus yang sistematik dan mewujudkan sistem pengiktirafan.

Melalui pemeraksanaan tadbir urus pusat tahfiz, JAKIM dengan kerjasama pihak berkuasa agama negeri sedang membangunkan Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Tahfiz, bagi memastikan penubuhan sekolah-sekolah tahfiz di negeri-negeri mengikut peraturan

dan piawaian yang ditetapkan. Usaha-usaha menggalakkan pendaftaran sentiasa dilakukan antaranya Kerajaan telah mempertukkan insentif sebanyak RM10,000 bagi setiap pendaftaran baharu pada tahun 2019 yang melibatkan kos sebanyak RM500,000. Sejak DPTN diperkenalkan pada tahun 2017, peningkatan jumlah pendaftaran institusi tahfiz amat ketara. Hal ini membuktikan pusat-pusat tahfiz berusaha memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Berdasarkan data Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI), jumlah terkini sehingga Februari 2019, institusi tahfiz swasta yang berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri adalah sebanyak 936 buah berbanding hanya 571 buah pada tahun 2016 sebelum DPTN diperkenalkan. Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak 60% peratus dalam tempoh dua (2) tahun selepas DPTN.

Dari sudut model tahfiz, tiga model tahfiz menengah telah diperkenalkan iaitu:

- (a) Tahfiz Turath yang bermatlamat untuk melahirkan pelapis ulamak huffaz di negara ini;
- (b) Tahfiz Bersepadu menggunakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) KPM yang bertujuan melahirkan huffaz profesional dalam pelbagai bidang;
- (c) Tahfiz Kemahiran/TVET menggunakan modul dan kursus TVET yang ditawarkan oleh institusi kemahiran berhampiran institusi tahfiz; dan

Bagi merealisasikan model-model berkenaan, kerajaan telah membangunkan kurikulum yang berkaitan untuk digunapakai oleh institusi-institusi tahfiz. Antaranya adalah kurikulum tahfiz TVET yang akan dilaksanakan melalui tawaran kursus yang dianjurkan oleh GIATMARA dan Kolej Komuniti.

Dalam strategi bagi memperkasa tadbir urus pusat tahfiz, kerajaan juga telah menyalurkan bantuan sebanyak RM50juta bagi tujuan membaik pulih prasarana institusi-institusi tahfiz yang berdaftar sehingga tahun 2018. Peruntukan ini telah dimanfaatkan oleh 908 buah tahfiz.

## **NO. SOALAN : 64**

Bagi mewujudkan sistem pengiktirafan dan pensijilan, penubuhan Majlis Tahfiz Negara (MTN) sedang dirangka untuk berperanan di bawah Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) dengan dianggotai oleh mereka yang berkepakaran dalam bidang tahfiz serta bidang-bidang lain yang berkaitan

Dari segi kepatuhan institusi-institusi tahfiz dalam negara terhadap dasar tersebut dapat dibuktikan dengan peningkatan jumlah institusi tahfiz yang berdaftar adalah seperti yang di para tiga (3). Institusi tahfiz berkenaan bersedia untuk memenuhi syarat-syarat penubuhan dan pendaftaran sepertimana yang ditetapkan oleh pihak berkuasa negeri. Usaha penyelarasan ini mendapat kerjasama dan disambut baik oleh pihak berkuasa agama negeri.

Sekian, terima kasih.